

**SOALAN NO: 48**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]**

**TARIKH : 31 Julai 2017**

**SOALAN : Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:  
Bilakah pusat pemeriksaan sarang  
burung akan dibangunkan di Sabah**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Bilangan premis sarang burung walit yang berdaftar di Sabah adalah sebanyak 2,020 buah dengan jumlah pengeluaran pada 2016 berjumlah 32,481.60 kg.

Kerajaan pada masa ini tiada perancangan untuk mewujudkan pusat pemeriksaan sarang burung walit di Sabah memandangkan berdasarkan statistik pengeluaran semasa adalah masih rendah. Walau bagaimanapun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha yang berminat untuk membangunkan loji pemprosesan sarang burung walit.